



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

MINISTRY OF TOURISM, ARTS AND CULTURE

Aras 1, 4-5, 10-15, 17 & 18
No. 2, Menara 1, Jalan P5/6
Presint 5,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8000 8000
Faks : 03 8891 7100
Portal Rasmi : www.motac.gov.my

Ruj. : MOTAC.400-3/15/1 (31)

Tarikh : 5 Jun 2025

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan,

ARAHAN OPERASI BAHAGIAN AKAUN BILANGAN 2 TAHUN 2025: PELAKSANAAN iPAYMENT DI SEMUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk dan surat Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM); JANM.600-14/1/33 Jld. 2 (38) bertarikh 30 Mei 2025 adalah berkaitan.

2. Bahagian ini telah melakukan perancangan untuk melaksanakan inisiatif digital melalui pembayaran tanpa tunai menggunakan platform iPAYMENT di semua PTJ MOTAC. Pelaksanaan ini akan dijalankan secara berfasa dengan Fasa Pertama pada 1 Julai 2025 akan melibatkan 8 PTJ manakala Fasa Kedua adalah pada 1 September 2025 melibatkan baki 27 PTJ di Negeri-negeri. Platform iPAYMENT akan membolehkan semua PTJ MOTAC menyediakan saluran pembayaran secara Portal, Aplikasi Mudah Alih (*Mobile App*) dan Terminal *Point-of-Sale* (TPOS). Apabila dilaksanakan kelak, inisiatif ini sekaligus akan dapat meningkatkan kecekapan dalam Sistem Penyampaian Awam MOTAC dalam konteks pengurusan terimaan Kementerian.

3. Bahagian ini akan mengendalikan latihan secara *hands-on* iPAYMENT kepada semua wakil pegawai PTJ yang menguruskan terimaan berdasarkan keperluan mengikut garis masa pelaksanaan. Secara spesifiknya, latihan bagi PTJ yang terlibat dalam pelaksanaan Fasa Pertama pada 1 Julai 2025 telah diatur pada 16-17 Jun 2025 (rujuk surat panggilan latihan MOTAC.500-5/1/1 Jld. 9 (14) bertarikh 30 Mei 2025) manakala untuk PTJ fasa seterusnya akan diatur pada bulan Ogos 2025. Rujuk **Lampiran A** dan **Lampiran B** bagi garis masa pelaksanaan dan PTJ yang terlibat.

**PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA PEMANGKIN PERPADUAN
NEGARA MAJU RAKYAT BERBUDAYA**



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. QMS 01956



4. Turut dilampirkan bersama arahan operasi ini adalah Garis Panduan pelaksanaan iPAYMENT untuk dirujuk dan difahami oleh semua kakitangan yang terlibat dalam menguruskan terimaan MOTAC melalui platform iPAYMENT. Kefahaman ini adalah penting bagi memastikan semua terimaan MOTAC dapat diperakaunkan dengan tepat dan betul berdasarkan peraturan kewangan pengurusan terimaan yang berkuatkuasa (Rujuk Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 3 Tahun 2025: Tatacara Pengurusan Terimaan dan Pekeliling Perbendaharaan PS 2.1: Terimaan Kerajaan Secara Elektronik. Pematuhan kepada peraturan dan garis panduan adalah penting bagi mengelakkan risiko terkumpulnya dana terimaan dalam Akaun Bank Terimaan MOTAC atau Akaun Bank Terimaan di Pejabat Perakaunan Negeri yang tidak dapat dikenal pasti sumbernya, sekaligus boleh mengundang isu pengauditan oleh Ketua Audit Negara.

5. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan boleh menghubungi pegawai berikut:

Bil.	Nama Pegawai	No. Telefon	Emel
i.	Pn. Diana binti Basiruddin	03-8891 7317	diana.basiruddin@motac.gov.my
ii.	Pn. Mariam binti Abd Wahab	03-8891 7361	mariam@motac.gov.my

6. Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan bagi meningkatkan kecemerlangan sistem penyampaian awam dalam pengurusan terimaan MOTAC amatlah dihargai dan didahului dengan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. SHAHRIL BIN BAHARIM C.A.(M), FCMA, CGMA)

Setiausaha Bahagian Akaun

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

Tel : 03 88917312

Faks : 03 88917314

Emel : shahril.baharim@motac.gov.my

s.k.

YBhg. Dato' KSU


YBhg. Dato' TKSU (K)

YBrs. TKSU (P)

YBrs. TKSU (PL)

LAMPIRAN A

Garis Masa Pelaksanaan iPayment Tahun 2025



LAMPIRAN B

Fasa Pertama: 8 PTJ Terimaan di bawah kawalan Bahagian Akaun MOTAC

Bil.	Kod PTJ	PTJ
1.	39010100	Pengurusan Ibu Pejabat (Bahagian Kewangan MOTAC)
2.	39020100	Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC)
3.	39030100	Bahagian Pelesenan Dan Penguatkuasaan Pelancongan
4.	39040600	Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya (MOTAC) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
5.	39060100	Jabatan Warisan Negara
6.	39070100	Istana Budaya
7.	39080100	Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara (JKKN) Ibu Pejabat
8.	39080100	JKKN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Fasa Kedua: 27 PTJ Terimaan di bawah kawalan JANM Negeri

Bil.	Kod PTJ	PTJ
1.	39040100	Pejabat MOTAC Perlis
2.	39040200	Pejabat MOTAC Kedah
3.	39040300	Pejabat MOTAC Pulau Pinang
4.	39040400	Pejabat MOTAC Perak
5.	39040500	Pejabat MOTAC Selangor
6.	39040700	Pejabat MOTAC Negeri Sembilan
7.	39040800	Pejabat MOTAC Melaka
8.	39040900	Pejabat MOTAC Johor
9.	39041000	Pejabat MOTAC Pahang
10.	39041100	Pejabat MOTAC Terengganu
11.	39041200	Pejabat MOTAC Kelantan
12.	39041300	Pejabat MOTAC Sarawak
13.	39041400	Pejabat MOTAC Sabah
14.	39041500	Pejabat MOTAC Wilayah Persekutuan Labuan

Bil.	Kod PTJ	PTJ
1.	39080200	JKKN Perlis
2.	39080300	JKKN Kedah
3.	39080400	JKKN Pulau Pinang
4.	39080500	JKKN Perak
5.	39080600	JKKN Selangor
6.	39080800	JKKN Negeri Sembilan
7.	39080900	JKKN Melaka
8.	39081000	JKKN Johor
9.	39081100	JKKN Pahang
10.	39081200	JKKN Terengganu
11.	39081300	JKKN Kelantan
12.	39081400	JKKN Sarawak
13.	39081500	JKKN Sabah

LAMPIRAN C

Garis Panduan Pelaksanakan iPayment Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Tahun 2025

1. Tujuan

- 1.1 Garis Panduan ini menjelaskan pelaksanaan iPayment di semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) bagi memastikan terimaan kerajaan diperakaunkan dengan tepat dan betul dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- 1.2 Pembayaran menggunakan iPayment boleh dilaksanakan melalui saluran berikut:
 - a) Portal (Web browser)
 - b) Aplikasi Mudah Alih (Mobile app)
 - c) Terminal Point-of-Sale (POS)
- 1.3 Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan:
 - a) Pekeliling Perbendaharaan (PP) PS 2.1: Terimaan Kerajaan Secara Elektronik;
 - b) Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 3 Tahun 2025 (SPANM Bil. 3/ 2025): Tatacara Pengurusan Terimaan; dan
 - c) Manual Pengguna iPayment


2. Pentadbiran Pengguna

- 2.1 Semua penjawat awam yang terlibat secara langsung dengan iPayment hendaklah berdaftar sebagai pelanggan iPayment.
- 2.2 Pentadbir setiap peringkat iPayment perlu membuat pelantikan penjawat awam dalam iPayment berdasarkan Borang Permohonan Akses iPayment.
- 2.3 Pentadbir yang dilantik bertanggungjawab atas pelantikan peranan yang dibuat dan perlu memastikan pelantikan penjawat awam dibuat untuk individu yang layak dan betul sahaja. Individu yang diberi peranan dalam iPayment boleh melihat data-data maklumat terimaan dan pembayaran.

2.4 Pentadbir perlu memastikan penjawat awam yang diberi peranan berkaitan proses seperti di bawah tertakluk kepada Penetapan Kuasa dan Tugas Pegawai Pengawal serta kebenaran khusus yang berkuat kuasa:

- a) pengesahan dan pembatalan maklumat terimaan (AP73 & 80(b); dan
- b) pengesahan dan pembatalan maklumat bayaran (resit- AP70(a) & 62(b)).

2.5 Carta Alir Pelantikan Penjawat Awam adalah seperti berikut:



Nota:

- i. Gred Pengesah Agensi perlu lebih tinggi daripada Pentadbir Agensi.
- ii. Gred Pengesah 1 perlu lebih tinggi daripada gred Penyedia.
- iii. Gred Pengesah 2 perlu lebih tinggi daripada gred Pengesah 1.

2.6 Seorang penjawat awam boleh memegang beberapa peranan dalam iPayment dan mengikut peringkat yang sama sahaja. Contohnya:

a) Permohonan yang Dibenarkan (Pelbagai Peranan Bawah Peringkat yang Sama)

Bahagian II: Peranan

1. **Peringkat JANM:**

- PENGESAH JANM (TEKNIKAL)
- PENGESAH JANM (FUNGSIAN)
- AUDIT JANM
- PENYEDIA ARAHAN PEMBAYARAN
- PEGAWAI MEJA BANTUAN JANM

2. **Peringkat Kementerian:**

- PENTADBIR KEMENTERIAN
- PENGESAH KEMENTERIAN
- AUDIT KEMENTERIAN

3. **Peringkat Agensi:**

- PENTADBIR AGENSI
- PENGESAH AGENSI
- AUDIT AGENSI

4. **Peringkat PTJ:**

- PENTADBIR PTJ MENYEDIA
- PENYEDIA
- PENGESAH 1
- PENGESAH 2
- PEGAWAI MEJA BANTUAN PTJ
- AUDIT PTJ

b) Permohonan yang Tidak Dibenarkan (Berbeza Peringkat)

Bahagian II : Peranan

1. Peringkat JANM:

- PENGESAH JANM (TEKNIKAL)
 PENGESAH JANM (FUNGSIAN)
 AUDIT JANM
 PENYEDIA ARAHAN PEMBAYARAN
 PEGAWAI MEJA BANTUAN JANM

2. Peringkat Kementerian:

- PENTADBIR KEMENTERIAN
 PENGESAH KEMENTERIAN
 AUDIT KEMENTERIAN

3. Peringkat Agensi:

- PENTADBIR AGENSI
 PENGESAH AGENSI
 AUDIT AGENSI

4. Peringkat PTJ:

- PENTADBIR PTJ MENYEDIA
 PENYEDIA
 PENGESAH 1
 PENGESAH 2
 PEGAWAI MEJA BANTUAN PTJ
 AUDIT PTJ

- 2.7 Hanya organisasi yang mempunyai akaun bank korporat boleh menjadi pelanggan iPayment.

3. Maklumat Perkhidmatan

- 3.1 Pentadbir Agensi hendaklah memastikan kod penjenisan yang akan digunakan di iPayment telah wujud dalam iGFMS untuk memudahkan pendaftaran maklumat perkhidmatan dalam iPayment.
- 3.2 Pentadbir Agensi hendaklah memastikan kod penjenisan yang ingin digunakan dalam iPayment sama seperti iGFMS. Sekiranya berbeza akan menyebabkann ralat semasa penghantaran resit ke iGFMS.
- 3.3 Pentadbir Agensi hendaklah menyemak dan mewujudkan kod penjenisan dalam iPayment sekiranya tiada.
- 3.4 PTJ hendaklah mewujudkan sekurang-kurangnya satu maklumat perkhidmatan dalam iPayment.
- 3.5 Maklumat perkhidmatan yang boleh diwujudkan adalah seperti berikut:
- a) Sumbangan
 - b) Sewa
 - c) Kompaun
 - d) Jualan
 - e) Bayaran balik
- 3.6 Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Negeri (MOTAC Negeri) hanya dibenarkan mewujudkan maklumat **perkhidmatan kompaun**. Manakala Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negera Negeri (JKKN Negeri)

hanya dibenarkan menggunakan maklumat **perkhidmatan sewa bangunan/ pelbagai dan jualan barang cetak**.

- 3.7 Skrin portal pelanggan iPayment hanya memaparkan maklumat perkhidmatan yang tidak mempunyai bil.

4. Maklumat Terimaan

- 4.1 PTJ hendaklah mematuhi jenis maklumat terimaan seperti berikut:

Bil.	Maklumat Perkhidmatan	Jenis Maklumat Terimaan	Perincian
1.	Sumbangan	Bayaran Tanpa Bil dan Amaun	Maklumat terimaan yang tidak mempunyai nama pelanggan dan amaun yang perlu dibayar. Amaun akan dikunci masuk oleh pelanggan semasa membuat bayaran.
2.	Sewa	Bil	Maklumat terimaan yang mempunyai nama pelanggan dan amaun yang perlu dibayar.
3.	Kompaun	Bil	Maklumat terimaan yang mempunyai nama pelanggan dan amaun yang perlu dibayar.
4.	Jualan Barang Cetak	Bayaran Tanpa Bil	Maklumat terimaan yang tidak mempunyai bil. Perkhidmatan ini mempunyai kadar tetap mengikut akta, pekeliling atau peraturan berkuat kuasa.
5.	Jualan Borang Tender	Bayaran Tanpa Kadar	Maklumat terimaan yang tidak mempunyai nama pelanggan tetapi mempunyai amaun yang perlu dibayar.
6.	Bayaran balik	Bil	Maklumat terimaan yang mempunyai nama

Bil.	Maklumat Perkhidmatan	Jenis Maklumat Terimaan	Perincian
			pelanggan dan amaun yang perlu dibayar.

- 4.2 PTJ boleh memohon untuk menggunakan invois iGFMS melalui integrasi dengan iPayment dengan memaklumkan kepada BA MOTAC. Contoh perkhidmatan yang dibenarkan adalah sewa.
- 4.3 PTJ boleh menambah maklumat perkhidmatan atau terimaan dari semasa ke semasa dengan kelulusan BA MOTAC.
- 4.4 PTJ boleh menetapkan tempoh pembayaran bil kepada pelanggan mengikut peraturan atau perjanjian yang ditetapkan. Sekiranya tempoh pembayaran telah tamat, pelanggan tidak boleh melihat bil tersebut dalam iPayment dan PTJ perlu menetapkan semula tempoh pada bil tersebut.

5. Penyata Pemungut

- 5.1 Penyata Pemungut Online hendaklah disediakan di iGFMS bagi mengakaunkan terimaan melalui iPayment.
- 5.2 PTJ hendaklah sentiasa menyemak Laporan Padanan Transaksi dan Pindahan Wang supaya Penyata Pemungut tidak lewat disediakan.
- 5.3 Proses kerja penyediaan penyata pemungut di iGFMS adalah seperti jadual berikut:

Bil.	Proses Kerja	Perincian
1.	Klik Daftar Penyata Pemungut (Online)	
2.	Lengkapkan medan-medan mandatori. a) Kod Agensi: 900015 (iPayment) b) Cara Bayaran: 5 (iPayment)	Nota: Resit iPayment hanya dipapar jika: i. iGFMS telah memproses resit yang dihantar oleh iPayment mengikut <i>job schedule</i> yang ditetapkan; dan ii. Resit berjaya diproses oleh iGFMS tanpa ralat.

Bil.	Proses Kerja	Perincian
3.	iGFMAS papar resit yang diterima daripada iPayment apabila pengguna klik 'Jana'.	
4.	iGFMAS jana nombor PP apabila pengguna klik 'Semak Data' dan 'Simpan'.	
5.	Di skrin Kemas Kini PP, pengguna buat carian nombor PP.	
6.	Kemas kini maklumat di medan 'No. Slip Bank' kepada ID Korporat iPayment dan ambil tindakan hingga selesai Peraku. Struktur ID Korporat yang dijana oleh iPayment mempunyai 18 aksara merangkumi: Tarikh Resit (8) + Kod PTJ (8) + 00 Contoh: 202401296232010100	Nota: Rujuk Laporan Padanan Transaksi dan Pindahan Wang untuk mendapatkan ID Korporat iPayment.

6. Lain-lain

- 6.1 Semua pulangan balik hasil hendaklah dilakukan oleh PTJ melalui permohonan pulangan balik hasil.

7. Maklumat Perhubungan

Seksyen Perundingan dan Latihan
Bahagian Akaun
Aras 13, No. 2 Menara 1
Jalan P5/6, Presint 5
62200 Putrajaya
Tel: 03-8891 7317/ 7361
Faks: 03-8891 7314
E-mel: servicedesk_solman@motac.gov.my

EDARAN DALAMAN

SUB (K)

SUB (PPP)

SENARAI EDARAN

1. Ketua Pengarah
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
Aras 16,18,19, 26, 27, 30, dan 34
Lot 1001, Menara TH Perdana
Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
2. Ketua Pengarah
Jabatan Warisan Negara
Aras Mezanin, 15-20
Menara Permodalan Nasional Berhad (PNB)
No. 201-A, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
3. Ketua Pengarah
Istana Budaya
Jalan Tun Razak
50694 Kuala Lumpur
4. Pengarah
Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC)
109 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
5. Pengarah
Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Negeri Perlis
No.51 & 53, Persiaran Putra Timur
02000 Kuala Perlis
Perlis Indera Kayangan

6. Pengarah
Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Negeri Kedah
Kompleks Pelancongan Negeri Kedah
Seksyen 20, Jalan Raja
05000 Alor Setar
Kedah Darul Aman

7. Pengarah
Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Negeri Pulau Pinang
No.11, Lot 710
Lebuh Pantai
10300 George Town
Pulau Pinang

8. Pengarah
Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Negeri Perak
No.7 & 9, Jalan Medan Istana 3
Bandar Ipoh Raya
30000 Ipoh
Perak Darul Ridzuan

9. Pengarah
Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Negeri Selangor
Tingkat 15-03, Wisma Sunwaymas
Jalan Tengku Ampuan Zabedah C9/C
Seksyen 9
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

10. Pengarah
Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Negeri Melaka
Aras 1, Kompleks Kementerian Pelancongan
Lebuh Ayer Keroh
75450 Melaka

11. Pengarah
Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Negeri Sembilan
No.19, Jalan Durian Emas 3
Betaria Business Complex
Jalan Dato' Siamang Gagap
70400 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus

12. Pengarah
Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Negeri Johor
Aras 2 Kiri, Wisma PERKESO
Jalan Susur 5 Off Jalan Tun Abdul Razak
Larkin
80200 Johor Bahru, Johor

13. Pengarah
Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Negeri Kelantan
Kampung Kraf Tangan
Jalan Hilir Balai
15300 Kota Bharu
Kelantan Darul Naim

14. Pengarah
Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Negeri Terengganu
No. 6B, C, & D, Wisma MBKT
Jalan Hiliran
20300 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman

15. Pengarah
Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Negeri Pahang
B 8006, Tingkat 1-3
Seri Kuantan Square, Jalan Teluk Sisek
25000 Kuantan
Pahang Darul Makmur

16. Pengarah
Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Negeri Sarawak
Aras 3, Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Simpang Tiga
93300 Kuching
Sarawak

17. Pengarah
Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Lot 2-5-8, 9, 10, 11 & 24
Tingkat 4, Wisma San Hin Wawasan Plaza
Lorong Wawasan Plaza
88000 Kota Kinabalu
Sabah

18. Pengarah
Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
WP Kuala Lumpur/ Putrajaya
Aras 1, Bangunan Baru
Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC)
109, Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur

19. Pengarah
Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
WP Labuan
Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan
Peti Surat 80753
87008 Wilayah Persekutuan Labuan

20. Pengarah
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Perlis
Kompleks JKKN Perlis
Persiaran Wawasan Kangar
01000 Kangar
Perlis

21. Pengarah
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Selangor
Tingkat 6, Menara Korporat
Kompleks IDCC Shah Alam
Jalan Pahat L 15/L, Seksyen 15
40200 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

22. Pengarah
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Negeri Sembilan
Kompleks JKKN Negeri Sembilan
Jalan Sungai Ujong
70200 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus

23. Pengarah
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Melaka
Kompleks JKKN Melaka
Hang Tuah Jaya, Lebuhraya Ayer Keroh
75450 Melaka

24. Pengarah
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Sarawak
Tingkat 5, Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Simpang Tiga
93000, Kuching
Sarawak

25. Pengarah
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Sabah
Kompleks JKKN Sabah
Jalan Tasik Off KM4, Jalan Penampang
88200 Kota Kinabalu
Sabah

26. Pengarah
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Terengganu
Kompleks JKKN Terengganu
Kuala Ibai
20400 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman

27. Pengarah
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Johor
Kompleks JKKN Johor
Aras 6 Kiri, Wisma PERKESO
No. 26, Jalan Susur 5
Off Jalan Tun Razak, Larkin
80200 Johor Bahru
Johor Darul Takzim
28. Pengarah
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Kompleks JKKN WPKL
Jalan Tun H.S. Lee
50000 Kuala Lumpur
29. Pengarah
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Perak
Kompleks JKKN Perak
Lot 20561@20565 Jalan Caldwell
Off Jalan Raja Di Hilir
30350 Ipoh
Perak Darul Ridzuan
30. Pengarah
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Kedah
Kompleks JKKN Kedah
Lot PTD 400 Pumphong
05250 Alor Setar
Kedah Darul Aman
31. Pengarah
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Pulau Pinang
Kompleks Pustaka Warisan Negeri
Lot. No. 2180, Jalan Lintang P.Ramlee
Off, Jalan P. Ramlee
10460 George Town
Pulau Pinang

32. Pengarah
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Pahang
Kompleks JKKN Pahang
Lot 57100, Jalan Teluk Sisek
25000 Kuantan
Pahang Darul Makmur
33. Pengarah
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Kelantan
Kompleks JKKN Kelantan
Lot 1993, Seksyen 49, Tanjong Chat
15200 Kota Bharu
Kelantan Darul Naim